

B Pemahaman

Pemahaman Teks

Praktis PT3 Sajak– Kuingin Berterima Kasih

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sesekali kuingin berterima kasih
kepadamu hujan bagai tetamu
jiwa pun menjadi dingin
api amarah menjadi terpadam.

Sesekali kuingin menyemai budi
kepadamu tanah yang hidup
kerana perutmu setia menghamilkan
rezeki buat petani.

Sesekali kuingin berbisik kepadamu
ikan-ikan yang riang
liar di belantara samudera
kerana sudi membebaskan cerita
nelayan tua di pondoknya.

Sesekali kuingin kalungkan kagum
kepadamu pejuang negara
kerana tanganmu pernah berdarah
darah kesetiaan seorang warga
kepada watan tercintanya.

Sesekali kuingin pula menjadi bunga
menebarkan keharuman
di taman-taman keresahan hidup
menyerahkan keinsafan
kepada keangkuhan perang.

Alangkah indahnya dunia
andai semua merenung
kekosongan hidup ini.

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1)



Nota SMART

Tema

- Persoalan utama yang hendak disampaikan oleh penyajak dalam karyanya.
- Tema biasanya merupakan sebahagian daripada pengalaman hidup yang dilalui, dilihat, atau dirasakan oleh penyajak.
- Contoh tema yang popular ialah:
 - (a) tema cinta
 - (b) tema alam sekitar
 - (c) tema ketuhanan
 - (d) tema perjuangan
 - (e) tema masyarakat



1. Mengapakah penyajak mengucapkan terima kasih kepada hujan?
 - A Hujan memberikan rezeki kepada petani.
 - B Hujan menghidupkan tumbuh-tumbuhan.
 - C Hujan menenteramkan perasaan orang yang marah.
 - D Hujan memberikan sumber pendapatan kepada nelayan.
2. Apakah jasa pejuang negara kepada tanah air?
 - A Menjaga keharmonian masyarakat
 - B Membunuh pendatang asing
 - C Memperjuangkan kemerdekaan negara
 - D Mencederakan diri demi kedaulatan negara
3. Yang berikut merupakan pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut, **kecuali**
 - A kita hendaklah menghargai jasa pahlawan negara.
 - B kita hendaklah insaf setelah melakukan kesalahan.
 - C kita hendaklah menghargai alam yang memberikan rezeki kepada kita.
 - D kita hendaklah memberikan kebahagiaan kepada orang lain.
4. Apakah tema sajak *Kuingin Berterima Kasih*?
 - A Bersyukur menerima nikmat Tuhan
 - B Menjaga kebersihan alam sekitar untuk generasi akan datang
 - C Berusaha mencari rezeki yang halal untuk meneruskan kehidupan
 - D Bekerjasama bagi mempertahankan tanah air daripada ancaman musuh

Praktis **PT3** Drama – Hadiah

Baca petikan drama di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

- ENCIK MUSA: Begini, Pak Mail. Saya datang ini untuk menyampaikan penghargaan negara kepada keluarga Pak Mail kerana kematian Sarjan Akhbar semasa bertempur di sempadan dahulu. Kami bersimpati benar dengan keluarga Pak Mail, terutamanya kepada Puan Fauziah dan dua orang anaknya.
- PAK MAIL: Terima kasihlah, Encik Musa. Kami memanglah sedang menghadapi masalah sekarang ini, terutamanya dalam hal persekolahan Hayati. Hari ini dia pulang dari asrama.
- ENCIK MUSA: Mengapa begitu, Pak Mail?
- PAK MAIL: Masalah belanja, Encik Musa. Nampaknya saya terpaksa mencari satu punca tetap untuk membantu persekolahannya. Saya sudah pun memberitahu Tuk Penghulu akan hal ini.
- DATUK PENGHULU: Betul, Encik Musa. Saya akan berikhtiar untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Pak Mail sekarang. Pak Mail tentu tidak dapat mengharapkan pencek bulanannya yang sedikit itu untuk menyara keluarga.
- PAK MAIL: Betul, Tuk.
- ENCIK MUSA: Begini, Pak Mail. Kedatangan saya ini juga untuk menyampaikan sekeping cek yang bernilai sepuluh ribu ringgit untuk Puan Fauziah. Di manakah Puan Fauziah sekarang, Pak Mail?
- PAK MAIL: Dia di dalam agaknya. (*Memanggil*) Fauziah!
- FAUZIAH: (*Dari dalam*) Ya, ayah.
- PAK MAIL: Keluar sekejap.

(Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1)



Nota SMART

Pengajaran

Pengajaran ialah nilai-nilai moral yang disampaikan pengarang secara tidak langsung dalam sesebuah karya.

1. Mengapakah Encik Musa datang ke rumah Pak Mail?
 - A Menyerahkan sekeping cek kepada Fauziah
 - B Menasihati Fauziah tentang persekolahan Hayati
 - C Mendapatkan maklumat tentang pencen Pak Mail
 - D Menyerahkan wang sebanyak sepuluh ribu ringgit kepada Fauziah
2. Pilih pernyataan yang **tidak benar** berdasarkan petikan drama tersebut.
 - A Pak Mail menyara keluarga Fauziah.
 - B Hayati masih bersekolah dan tinggal di asrama.
 - C Datuk Penghulu menerima pencen setiap bulan.
 - D Puan Fauziah merupakan balu yang mempunyai dua orang anak.
3. Yang berikut merupakan perwatakan Encik Musa, **kecuali**
 - A amanah.
 - B penyayang.
 - C berbudi bahasa.
 - D bertanggungjawab.
4. Apakah pengajaran yang terdapat dalam petikan drama tersebut?
 - A Kita hendaklah menerima takdir Tuhan.
 - B Kita hendaklah membantu jiran yang dihipit masalah.
 - C Kita hendaklah mengenang jasa perajurit yang telah terkorban.
 - D Kita hendaklah berterima kasih kepada negara yang menjaga kebajikan perajurit.